

SULIT



**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012**

**1103/2**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**Nov./Dis.**

**2  $\frac{1}{2}$  jam**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

**[Lihat halaman sebelah**  
**SULIT**

**1103/2** © 2012 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang faktor-faktor pemilihan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan dan faedah-faedah industri pelancongan kesihatan kepada negara kita. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Bersetujuan dengan langkah transformasi ekonomi negara yang memerlukan pendekatan dan *strategi menyeluruh*, kerajaan melaksanakan usaha sama dalam pelbagai bidang yang menjadi teras ekonomi negara. Kerjasama yang terjalin antara sektor kesihatan dengan sektor pelancongan telah merancakkan industri pelancongan kesihatan, iaitu lebih banyak pelancong dari serata dunia berkunjung ke Malaysia bagi mencari penawar untuk pelbagai masalah kesihatan selain memenuhi agenda pelancongan mereka. Hal ini dipengaruhi oleh faktor kebanyakan hospital di negara ini mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai tahap kualiti perubatan yang tinggi, Malaysia mempunyai potensi yang sangat besar untuk menarik lebih banyak pelancong kesihatan. Hal ini demikian kerana negara kita sememangnya mampu menyediakan perkhidmatan pelancongan kesihatan yang terbaik dan seterusnya menjadi peneraju industri ini di rantau Asia Tenggara. Kemajuan dalam perkhidmatan perubatan swasta merupakan elemen bernilai tambah yang mempunyai potensi untuk menjadi sumber penjanaan perkhidmatan tersebut. Selain itu, negara kita mempunyai pakar perubatan antara yang terbaik di dunia. Tambahan pula, caj rawatan di sini lebih murah berbanding dengan negara maju.

Keyakinan pelancong kesihatan terhadap mutu rawatan di negara kita didorong oleh pengiktirafan Kualiti Kesihatan Persatuan Perubatan Malaysia (MSQH) serta standard MS ISO9002. Pengiktirafan tersebut dimiliki oleh pengamal perubatan tempatan yang memenuhi piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sehubungan dengan itu, Malaysia amat sesuai sebagai destinasi pelancongan kesihatan kerana terdapat banyak pusat perubatan persendirian yang lengkap dengan peralatan canggih dan doktor pakar yang berpengalaman dan berpengetahuan tinggi. Lebih istimewa, pusat perubatan swasta di Malaysia menawarkan pelbagai pilihan penginapan kerana kos penginapan hospital bergantung pada pilihan pesakit sama ada mahu memilih penginapan yang mewah atau penginapan yang selesa dengan bayaran yang berpatutan. Para pelancong kesihatan turut mendapat layanan bertaraf dunia daripada pusat perubatan swasta tempata.

Bagi memperkasakan industri ini agar lebih berdaya saing dan menawarkan perkhidmatan yang relevan dengan keperluan semasa, KKM telah memperuntukkan undang-undang baharu untuk mentadbir penjagaan kesihatan. Usaha penambahbaikan sektor pelancongan kesihatan melibatkan pemberian kuasa tambahan kepada Majlis Kesihatan Malaysia sekali gus akan mempertingkatkan fungsinya. Bagi memastikan jumlah pelancong kesihatan meningkat dalam kadar yang lebih tinggi dari tahun ke tahun, kerajaan mengkaji kemungkinan untuk meminda undang-undang agar dapat membantu pengamal perubatan mempromosikan perkhidmatan mereka di luar negara.

(Dipetik dan diubah suai daripada  
‘Sinergi Sektor Kesihatan dengan Pelancongan’  
oleh Hanafi Timan,  
*Dewan Ekonomi*, Oktober 2010)

### Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

#### Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Apakah maksud rangkai kata *strategi menyeluruh*? [2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan beberapa usaha kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan kesihatan.  
Nyatakan usaha-usaha tersebut. [3 markah]
- (iii) Jelaskan pendapat anda tentang **dua** peranan pihak media untuk memajukan industri pelancongan kesihatan di negara ini. [4 markah]

**Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Ajam, Bakar, Melati, Budi!” Mak Tua yang sedari tadi sibuk melayan kerena cucu-cucunya ikut bercakap. “Kamu dah cari pekerja untuk menjaga dusun dan hutan ini? Sekarang ni pencuri kayu balak makin menjadi-jadi. Kalau tak dijaga, nanti habis pula kayu balak dalam hutan ini dicuri oleh mereka.”

“Dah, mak. Kami dah cari. Awal bulan depan mulalah mereka bekerja,” sahut Bakar.

“Kami rancang nak buka bidang kerja barulah, pak, mak,” ujar Melati. “Kami nak ceburi bidang pelancongan. Kalau tengok keadaannya, hutan simpan bapa ini ada potensi untuk dijadikan kawasan pelancongan.”

“Betul,” Budi menyokong. “Aliran sungai kecil di tengah hutan itu bolehlah kita perbesar untuk dijadikan kolam memancing ikan.”

“Saya fikir pun begitu. Banyak kerja yang perlu kita buat. Saya rasa ...” Melati berfikir-fikir. “Bolehlah kita tiru kawasan pelancongan seperti Lembah Danum di Lahad Datu, Sulaman Resort di Tuaran, atau kita tiru seperti Sukau,” Melati menambah dengan bersemangat.

“Usaha seperti itu perlukan modal besar,” pintas Bakar.

“Kita boleh keluarkan modal bersama-sama. Kita jadikan usaha ini satu perniagaan keluarga,” Budi memberi saranan.

(Dipetik daripada  
cerpen ‘Hutan Rimba’  
oleh Sasjira  
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan ciri yang menyebabkan hutan simpan milik bapa berpotensi untuk dijadikan kawasan pelancongan. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh keluarga Melati untuk membuka pusat pelancongan? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai kemanusiaan dalam petikan cerpen di atas dan **satu** nilai kemanusiaan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Orang suruhan Merah Gajah segera memberitahu ayahanda Raja Muhammad. Ujar hamba sahaya itu, “Ya tuanku, paduka anakanda tuan kami, Puteri Betong telah hilanglah sebab dibantunnya oleh Merah Gajah sehelai rambutnya di tengah kepalanya!” Setelah Raja Muhammad mendengar khabar inang itu baginda merasa amat marah. Baginda menghimpunkan segala askar pergi mendapatkan Merah Gajah lalu dibunuhnya.

Setelah Merah Gajah mati, segera orang memberitahu ayahanda Merah Gajah, Raja Ahmad. Kata mereka, “Wah tuanku paduka, anakanda Merah Gajah itu telah mati dibunuh oleh mentuanya sebab ia membantunkan rambut sehelai yang di tengah-tengah kepala Puteri Betong! Pada fikiran anakanda Merah Gajah perbuatannya itu tiada akan mati Puteri Betong kerana mencabut rambut yang berwarna keemasan itu.”

Sebaik mendengar khabar itu, Raja Ahmad menghempaskan dirinya, mengoyak-ngoyak baju serta mencarik-carik kainnya. Raja Ahmad pun terlalu marah. Dengan serta-merta baginda menghimpunkan segala askar lengkap dengan segala senjatanya.

Maka pada ketika yang baik, Raja Ahmad pergi menemui Raja Muhammad. Apabila berhadapan askar kedua-dua itu, mereka pun berperang.

(Dipetik daripada  
‘Merah Silu’  
dalam antologi *Harga Remaja*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Mengapakah Raja Muhammad membunuh Merah Gajah? [2 markah]
- (ii) Apakah reaksi Raja Ahmad setelah mendengar berita kematian Merah Gajah? [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda Raja Muhammad, apakah tindakan-tindakan yang akan anda ambil untuk mengelakkan peperangan dengan Raja Ahmad? [3 markah]

**Soalan 2(d) – Sajak**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bangkitlah**

Anak-anak yang sedang lena  
bangkitlah  
matahari sudah tinggi  
di puncak gunung.

Lihat jernihnya pagi ini  
burung-burung berterbangan di udara  
dan pepohon hijau merendang daunnya  
apa kau masih belum bangkit?

Bangkitlah  
jangan sesal nanti  
madu bumi yang kekeringan  
isi laut kekosongan  
dan *perut belantara menjadi ladang*.

Anak-anak  
esok apa yang akan kaumakan?  
tanah atau batu atau debu?  
kau mahu terus nangis  
tanpa air mata?

Kalau tidak  
bangkitlah  
matahari belum lagi rembang  
dan burung-burung belum lagi menjamah awan!

(1969)

**Rejab F.I.**

Langit di Tangan, 1995  
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

**SULIT**

- (i) Berikan maksud *perut belantara menjadi ladang*. [2 markah]
- (ii) Dalam sajak tersebut, penyajak ada menyentuh persoalan kelekaan generasi muda pada masa ini.  
Pada pendapat anda, apakah kesan-kesannya kepada negara kita jika generasi muda terus leka? [3 markah]
- (iii) Kemukakan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

|Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap kata ganda di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda boleh menambahkan imbuhan tetapi tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai nama khas.

- (i) kumat-kamit
- (ii) remuk-redam
- (iii) selang-seli
- (iv) serba-serbi
- (v) simpang-siur
- (vi) tungkus-lumus

[6 markah]

- (b) Tukar ayat bersusunan songsang di bawah kepada ayat bersusunan biasa tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Sudah ditetapkan pada usia 60 tahun persaraan kakitangan kerajaan.
- (ii) Terletak di Bukit Perdana banglo mewah berharga RM3 juta itu.
- (iii) Sungguh menakjubkan pertunjukan udara yang diadakan bersempena dengan sambutan ulang tahun hari kemerdekaan negara.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Sejarah sesebuah negara hendaklah ditulis dengan berdasarkan fakta dan intrepretasi yang tepat selain diambil kira konteks tempatan.
- (ii) Pada masa ini harga seunit rumah dibandar-bandar besar terlalu mahal hingga menyukarkan golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliknya.
- (iii) Sebagai sebuah negara multi etnik, Malaysia memerlukan amalan pengongsian budaya dalam kalangan rakyat.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Suasana pembelajaran yang konklusif merupakan faktor yang menentukan sama ada murid-murid berasa seronok ketika belajar dan sebaliknya.
- (ii) Kelas Pendidikan Khas memerlukan jasa pembantu murid kerana kebanyakan murid-murid istimewa ini perlu diberikan perhatian yang khusus.
- (iii) Guru berperanan untuk membentuk generasi yang memahami inspirasi negara dan seterusnya membawa Malaysia ke mercu kegemilangan di masa depan.

[6 markah]

(e) Berikan maksud peribahasa di bawah.

- (i) Membaca jambatan ilmu.
- (ii) Sehari selembar benang, lama-lama menjadi kain.
- (iii) Bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Papa ... (akhirnya kau tewas ju!) karya Deana Yusof
  - (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
  - (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
  - (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
  - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
  - (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
  - (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
  - (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (a) Jelaskan **dua latar masa** yang terdapat dalam sebuah novel yang telah anda pelajari. [7 markah]
- (b) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **tiga nilai kemanusiaan** yang terdapat dalam novel tersebut. [8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**